

**PEMBERITAHU JAWATANKUASA PILIHAN KHAS**  
**MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)**

1. Dewan Rakyat pada 20 Mac 2012 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP). Jawatankuasa ini adalah berkuat kuasa selama tiga bulan dari tarikh penubuhannya. Tanggungjawab, peranan dan tugas Jawatankuasa ini adalah meneliti isu-isu yang menjadi perhatian pihak awam serta standard keselamatan projek. Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan laporan itu serta syor-syor yang berkaitan untuk diserahkan kepada Majlis untuk dipersetujukan atau mengikut apa cara yang diperintahkan oleh Majlis.

2. Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen yang berikut:

	YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin (Ahli bagi Kawasan Pasir Gudang)  (Menteri Pengajian Tinggi) sebagai Pengerusi
	YB Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Dahlan (Ahli bagi Kawasan Kota Belud)
	YB Tuan Teng Boon Soon (Ahli bagi Kawasan Tebrau)

	<p>YB Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri (Ahli bagi Kawasan Batang Sadong)</p>
	<p>YB Tuan Liang Teck Meng (Ahli bagi Kawasan Simpang Renggam)</p>
	<p>YB Dato' Zulkifli bin Noordin (Ahli bagi Kawasan Kulim Bandar Baharu)</p>

3. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) boleh diajukan kepada Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat, Aras 6, Bangunan Parlimen Malaysia (Telefon: 03-26017489 Encik Che Seman bin Pa Chik, 03-26017199 Encik Amisyahrizan bin Amir Khan, 03-26017181 Encik Mohd Ikram bin Rahimi) dan boleh diakses melalui laman web Parlimen di <http://www.parlimen.gov.my>

4. Jawatankuasa Pilihan Khas ini ingin mempelawa pertubuhan-pertubuhan / persatuan-persatuan yang berdaftar atau individu untuk mengemukakan cadangan-cadangan atau syor-syor mengenai projek LAMP. Sebarang cadangan hendaklah dikemukakan seberapa segera ke alamat seperti berikut:

Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas  
Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP),  
Parlimen Malaysia, Bangunan Parlimen,  
Jalan Parlimen,  
50680 KUALA LUMPUR.  
Faks: 03-26986170 / 03-20317972  
E-mel: [jklynas@parlimen.gov.my](mailto:jklynas@parlimen.gov.my)

5. Jadual tarikh-tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas ini menemui pertubuhan-pertubuhan / persatuan-persatuan yang berdaftar dan individu adalah seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
10 Mei 2012 (Khamis)	2.30 petang	Bilik Mesyuarat Senat Bangunan Canseleri Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Pahang
11 Mei 2012 (Jumaat)	9.30 pagi	Bilik Mesyuarat Senat Bangunan Canseleri Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Pahang
21 Mei 2012 (Isnin)	9.30 pagi	Bilik Jawatankuasa 2 Parlimen Malaysia

**(YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah)  
Setiausaha Dewan Rakyat merangkap  
Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas  
Mengenai Projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP)  
Parlimen Malaysia**